

BAB SATU

BAB SATU

ETIKA ALAM SEKITAR : SATU PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Etika Alam Sekitar telah menjadi satu disiplin pengajian yang semakin berkembang di seluruh dunia sejak kebelakangan ini. Disiplin ini yang boleh dikatogerikan sebagai satu kajian falsafah diharapkan dapat menjadi satu penyelesaian dasar terhadap krisis alam sekitar global yang dihadapi masa kini. Sungguhpun Etika Alam Sekitar merupakan satu disiplin yang berkaitan dengan bidang falsafah, ia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang-bidang lain khususnya bidang Geografi dan Ekologi. Dari perspektif yang lebih luas, disiplin Etika Alam Sekitar ini adalah satu disiplin bersepada yang meliputi semua bidang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti manusia ke atas alam sekitar.

Di dalam bab satu ini, akan diperlihatkan latar belakang kemunculan Etika Alam Sekitar sebagai satu disiplin pengajian tersendiri. Sebenarnya, Etika Alam Sekitar bukanlah merupakan satu perkara yang baru muncul di dalam kehidupan manusia, tetapi telah diamalkan semenjak kewujudan manusia pertama di atas muka bumi ini. Seterusnya pengamalan Etika Alam Sekitar ini telah berkembang dari satu generasi ke satu generasi yang lain sehingga mewujudkan kepelbagaiannya pengamalan berdasarkan budaya sesebuah bangsa. Kemunculan Etika Alam Sekitar sebagai satu disiplin pengajian adalah tepat pada masanya setelah pengamalannya hampir pupus di dalam kehidupan manusia pada zaman moden ini.

Sebagai satu disiplin pengajian yang baru berkembang, sudah tentu Etika Alam Sekitar mempunyai pelbagai interpretasi di kalangan para ilmuan. Kepelbagaiannya

interpretasi ini timbul disebabkan Etika Alam Sekitar adalah satu disiplin bersepada, yang tentu sahaja mengundang para ilmuwan dari pelbagai latar belakang disiplin untuk memberi interpretasi. Oleh sebab itu, bab satu ini akan cuba memberi satu definisi yang sesuai terhadap etika alam sekitar demi membantu kajian penulis pada bab-bab yang berikutnya. Di samping penjelasan tentang definisi, bab satu ini juga akan turut mengupas konsep Etika Alam Sekitar berdasarkan pandangan beberapa orang sarjana yang telah melakukan kajian secara khusus terhadap Etika Alam Sekitar.

1.2 LATAR BELAKANG KEMUNCULAN ETIKA ALAM SEKITAR

Krisis alam sekitar yang dihadapi oleh dunia hari ini, mula tercetus selepas Revolusi Industri yang berlaku di Eropah pada abad yang ke 18. Revolusi Industri yang bermula khususnya di England adalah merupakan suatu perubahan ke arah mengeluarkan secara besar-besaran barang keperluan manusia. Pengeluaran barang-barang keperluan ini telah meningkatkan kualiti kehidupan manusia di samping mendorong berlakunya pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selain daripada itu, revolusi tersebut juga telah meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk seterusnya menggalakkan berlakunya perkembangan urbanisasi. Revolusi Industri ini kemudiannya telah tersebar ke seluruh Eropah dan Amerika Utara sehingga mewujudkan persaingan ekonomi di antara negara-negara.¹

Revolusi Industri telah membawa kesan yang menyeluruh, bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi dan pertambahan populasi manusia tetapi juga kepada alam sekitar global. Aktiviti-aktiviti industri yang menghasilkan barang-barang untuk keperluan manusia telah mengeksplorasi sumber-sumber alam sekitar semulajadi secara besar-besaran. Perkembangan urbanisasi yang pesat pula telah menyebabkan berlaku kesesakan penduduk di kawasan bandar serta menyukarkan pengurusan

persekitarannya. Fenomena ini telah menggalakkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar hasil daripada aktiviti-aktiviti kemanusiaan terutama perindustrian, sehingga mengganggu keselesaan hidup penduduk khasnya di bandar.

Kehidupan yang tidak selesa di bandar telah mendorong golongan berada termasuk pemilik-pemilik sektor industri untuk keluar daripada persekitaran bandar, iaitu dengan mewujudkan taman-taman botani milik persendirian. Konsep pembinaan taman-taman botani tersebut adalah berdasarkan kepada pengawetan ekologi hutan yang memberikan kesegaran dan kehijauan. Di samping itu, beberapa pertubuhan yang dianggotai oleh golongan berada telah ditubuhkan untuk mencapai maksud pengawetan ekologi hutan. Contoh pertubuhan-pertubuhan itu adalah National Trust di England pada tahun 1885 dan Sierra Club di Amerika Syarikat pada tahun 1882. Anggota-anggota pertubuhan ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bercorak rekreasi hijau sebagai manifestasi kepada pemikiran romantisme.²

Bagaimanapun, aktiviti pengawetan ekologi hutan berdasarkan pemikiran romantisme itu tidak dirasai secara menyeluruh, malah mereka yang menggerakkan aktiviti tersebut hanyalah untuk kepentingan persendirian. Seterusnya, apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, sekali lagi dunia melihat berlakunya kemasuhan secara besar-besaran ke atas kehidupan serta alam sekitar melalui penggunaan senjata-senjata berat termasuk bom atom. Kemasuhan yang diakibatkan oleh Perang Dunia Kedua ini telah membangkitkan kesedaran khususnya di kalangan para saintis dan politikus antarabangsa tentang kepentingan menilai semula kesan-kesan teknologi peperangan terhadap survival manusia dan alam sekitar di masa hadapan.

Namun demikian, kesedaran yang timbul di kalangan saintis dan politikus itu lebih menjurus kepada penentangan terhadap peperangan, bukannya kesedaran secara langsung tentang krisis alam sekitar. Kesedaran tentang krisis alam sekitar mulai

timbul ekoran daripada terbitnya sebuah buku yang dinamakan '*Silent Spring*' pada tahun 1962. Buku ini adalah hasil kajian seorang saintis wanita yang bernama Rachel Carson.³ Walaupun buku ini hanya menumpukan penjelasannya terhadap kesan-kesan pencemaran akibat industri kimia terhadap alam sekitar, ia telah berjaya menyedarkan masyarakat dunia berhubung dengan krisis alam sekitar yang semakin meluas akibat sains dan teknologi di zaman moden.

Kesedaran alam sekitar yang dicetuskan oleh '*Silent Spring*' bukan sahaja menarik perhatian golongan saintis, tetapi turut mempengaruhi para sarjana di dalam bidang-bidang yang lain. Pada tahun 1967 seorang ahli sejarah, Lynn White Jr.⁴, telah menulis sebuah artikel yang bertajuk '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*'.⁵ Artikel ini telah memuatkan pandangannya berhubung dengan faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya krisis alam sekitar. Menurut beliau, faktor utama yang telah mengakibatkan krisis alam sekitar ialah doktrin *Judeo-Christian* (Judeo-Kristian) yang telah mengajar manusia untuk berkongsi sifat transenden dengan Tuhan, iaitu mereka telah dianugerahkan untuk menguasai alam sekitar.⁶

Doktrin Judeo-Kristian ini dikatakan telah melahirkan satu pandangan alam (*worldview*) di dalam kehidupan manusia, iaitu mereka diizinkan oleh Tuhan untuk mengeksplorasi alam sekitar demi kelangsungan (survival) kehidupan mereka. Lynn White mendakwa bahawa dengan berpegang kepada pandangan alam tersebut, manusia barat khasnya telah menggunakan sains dan teknologi yang bersifat dinamik untuk mengeksplorasi alam sekitar tanpa batasan. Fenomena inilah yang telah menyebabkan gangguan dan kemerosotan kualiti alam sekitar secara lokal dan global. Oleh kerana itu, menurut Lynn White Jr. doktrin Judeo-Kristian seharusnya dipersalahkan kerana telah mencetuskan pandangan alam tersebut.

Di dalam artikel itu juga, Lynn White Jr. menyatakan bahawa doktrin Judeo-Kristian tersebut telah mewujudkan konsep dualisme di antara manusia dan alam sekitar. Menurut konsep ini, manusia adalah makhluk tuhan yang istimewa, manakala alam sekitar pula adalah diciptakan untuk keperluan kehidupan manusia. Ini berbeza dengan kepercayaan *Paganism* (pegangan masyarakat Eropah sebelum kedatangan Kristian) yang menyatakan bahawa haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sungai adalah sama taraf dengan manusia dan kesemuanya adalah anugerah yang bersifat suci lagi tidak boleh dicemari. Sebagai satu alternatif, Lynn White mengemukakan pandangan alam St. Francis (1181 – 1226M), yang pernah menyarankan gagasan persamaan di antara seluruh kejadian alam termasuklah manusia.

Pandangan Lynn White Jr. di dalam artikel yang telah dijelaskan, telah menimbulkan pelbagai reaksi dari semua pihak. Pandangan beliau ini telah mendapat sokongan daripada beberapa orang tokoh teologi dan falsafah seperti John Cobb Jr. dan John Passmore.⁷ Kedua-dua mereka bukan sahaja menyalahkan doktrin manusia menguasai alam sekitar Judeo-Kristian, tetapi juga semua agama yang tidak bersesuaian serta mengganggu keseimbangan dan keharmonian alam sekitar. Menurut Patrick Dobel pula, terdapat satu pemerhatian yang mendalam daripada analisa yang dilakukan oleh Lynn White Jr. berhubung dengan punca berlakunya krisis alam sekitar zaman ini. Walaupun demikian, beliau menyifatkan kesimpulan yang dibuat oleh Lynn White Jr. dengan menggambarkan kerakusan pengajaran Bible sebagai amat keterlaluan.⁸

Pada ketika yang sama pandangan Lynn White Jr. turut mendapat kritikan dan tentangan dari beberapa pihak, khususnya daripada tokoh-tokoh agama Kristian. Pertentangan pandangan ini telah mencetuskan polemik yang berpanjangan di antara kedua-dua pihak. Kebanyakan perbahasan adalah berkisar tentang persoalan sejauh

mana kebenaran dakwaan Lynn White Jr. yang menyatakan ajaran agama khususnya Judeo-Kristian, telah melahirkan manusia yang angkuh menodai alam sekitar. Menurut golongan yang berpandangan kontra, Lynn White Jr. telah melakukan kesalahan besar di dalam menafsirkan arahan Tuhan kepada Adam supaya mengambil manfaat daripada alam sekitar untuk kepentingan kehidupannya.

Arahan Tuhan kepada Adam itu bukanlah bermaksud penguasaan secara mutlak, tetapi adalah tanggungjawab yang diamanahkan kepada manusia untuk menguruskan alam sekitar, iaitu merujuk kepada konsep khalifah (*stewardship*). Berdasarkan konsep tersebut, hakikat arahan Tuhan kepada Adam dapat diperjelaskan secara positif dengan menggambarkan satu hubungan yang harmoni di antara manusia dan alam sekitar. Polemik di antara kedua pihak bertentangan ini lebih bersifat perbahasan tentang falsafah teologi yang dihubungkan dengan krisis alam sekitar. Perbahasan yang bersifat falsafah teologi ini secara beransur-ansur menuju kepada penghuraian tentang sistem nilai yang perlu wujud untuk memandu perbuatan manusia ke atas alam sekitar, seterusnya mencetuskan satu idealisme baru ke arah mencari penyelesaian krisis alam sekitar yang dihadapi.

Ekoran daripada perbahasan ini juga, terbitlah beberapa esei dan buku yang telah mengupas berhubung dengan sistem nilai bagi memandu tindakan manusia terhadap alam sekitar. Penerbitan karya-karya berbentuk ilmiah berkisar tentang topik ini semakin bertambah dari setahun ke setahun, secara langsung menggambarkan minat yang semakin berkembang terhadap topik berkenaan di kalangan sarjana-sarjana barat dan timur (sila rujuk lampiran A). Perkembangan yang menggalakkan ini, kemudiaannya telah diikuti dengan pengasasan disiplin pengajian khusus tentang idealisme tersebut di institusi-institusi pengajian tinggi yang lebih dikenali dengan Etika Alam Sekitar ataupun Falsafah Alam Sekitar.

Disiplin pengajian Etika Alam Sekitar secara lebih tepat merujuk kepada kajian tentang sistem nilai yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat manusia dalam memandu tindakan mereka ke atas alam sekitar. Manusia adalah agen yang bersifat aktif ke atas alam sekitar dan bukannya bersifat pasif atau reaktif. Dengan daya pemikiran yang tinggi, mereka telah berjaya dari semasa ke semasa menerokai rahsia perjalanan alam sekitar fizikal (hukum-hukum alam tabii). Penerokaan itu adalah hasil daripada pemerhatian empirikal yang dijalankan oleh para saintis khususnya selepas Revolusi Sains. Penemuan-penemuan sains seterusnya telah diaplikasikan di dalam bentuk sains gunaan untuk perkembangan teknologi.

Melalui sains dan teknologi, manusia mempunyai potensi yang besar untuk bertindak ke atas alam sekitar semulajadi menurut citarasa mereka. Citarasa manusia yang mendorong sesuatu tindakan atau aktiviti ke atas alam sekitar adalah dipengaruhi oleh pandangan alam yang ada pada diri seseorang. Oleh kerana itu, krisis alam sekitar yang dihadapi oleh manusia pada hari ini, adalah berkait rapat dengan pengaruh pandangan alam seseorang. Pandangan alam yang tidak harmoni telah mendorong manusia menggunakan sains dan teknologi untuk merosakkan keseimbangan alam sekitar. Jadi, dalam kita mencari penyelesaian krisis alam sekitar zaman ini tidak memadai sekadar melaksanakan program perawatan alam sekitar, sebaliknya reformasi pandangan alam adalah perlu ke arah pendekatan yang lebih bersepadu.⁹ Menyedari hakikat tersebut, kemunculan disiplin pengajian Etika Alam Sekitar adalah tepat pada masanya demi memandu tindakan manusia pada zaman ini.

1.3 DEFINISI

Etika Alam Sekitar adalah merupakan satu disiplin pengajian yang baru berkembang akibat krisis alam sekitar yang sedang dihadapi oleh manusia hari ini.

Perdebatan mendalam tentang pandangan yang dicetuskan oleh Lynn White adalah titik mula kepada perkembangan disiplin tersebut. Sebagai satu disiplin pengajian yang baru berkembang kefahaman terhadap definisi Etika Alam Sekitar adalah masih di peringkat awal, iaitu ke arah merumuskan satu definisi yang boleh diterima oleh semua pihak. Perkataan ‘Etika Alam Sekitar’ adalah terdiri daripada gabungan dua topik yang utama iaitu etika (*ethics*) dan alam sekitar (*environment*). Oleh kerana itu, untuk menghuraikan definisi etika alam sekitar secara terperinci, kedua-dua topik ini perlu di definisikan terlebih dahulu.

1.3.1 Definisi Etika

Perkataan ‘etika’ adalah merupakan satu perkataan yang amat lazim digunakan merujuk kepada tingkah laku atau kelakuan manusia. Etika di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *ethics* yang bermaksud ilmu yang sistematik tentang moral (*science of morals*).¹⁰ Perkataan *ethics* sebenarnya adalah berasal dari bahasa Yunani iaitu *ethikos*.¹¹ Perkataan ini adalah pertama kali digunakan oleh Aristotle (384 – 322 s.m.) bagi memperjelaskan tentang sifat dan pembawaan seseorang.¹² Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa perkataan *ethics* yang berasal daripada perkataan *ethikos* atau *ethika*, adalah merujuk kepada kata dasar *ethos* yang bermaksud kelakuan, adat kebiasaan atau sifat yang berkaitan dengan tindakan manusia.¹³

Berdasarkan pengertian dari segi asal-usul perkataan (etimologi) di atas, maka dapatlah dijelaskan bahawa definisi etika adalah berkaitan dengan aspek kelakuan, cara hidup dan sifat seseorang atau sesebuah masyarakat. Pengertian perkataan etika di dalam bahasa Melayu ialah ilmu berkaitan dengan dasar-dasar akhlak dan moral atau prinsip moral yang menjadi pegangan seseorang individu dan sesuatu

kumpulan.¹⁴ Berdasarkan kepada definisi dari segi bahasa, perkataan etika yang merujuk kepada perkataan *ethikos* seperti yang diperkenalkan oleh Aristotle boleh diseertikan dengan perkataan *moralis* yang membawa maksud moral.¹⁵

Perkataan *moralis* yang mula diperkenalkan oleh Cicero (106 – 43 s.m.) adalah berasal daripada bahasa Latin.¹⁶ *Moralis* adalah merujuk kepada kata dasar *mos* atau *mores* yang bermaksud kelakuan, adat kebiasaan atau sifat seseorang atau sekelompok manusia.¹⁷ Sesetengah pengkaji menyatakan bahawa perkataan etika (*ethics*) dan moral (*moral*) membawa pengertian serta skop pandangan yang sama.¹⁸ Ini adalah disebabkan kedua-duanya berasal daripada perkataan yang membawa pengertian yang sama iaitu *ethikos* dan *moralis*, walaupun daripada bahasa yang berbeza. Menurut William L. Reese, selalunya penggunaan perkataan etika dan moral adalah membawa pengertian yang sama.¹⁹ Walau bagaimanapun menyamakan definisi etika dan moral bukanlah satu kelaziman sebagaimana pandangan Dagobert D. Runes:²⁰

Moral is sometimes used as equivalent to ethics, more frequently it is used to designate the codes, conduct and customs of individuals or of groups, as when one speaks of the morals of a person or of a people. Here it is equivalent to the Greek word ethos and the Latin mores.

Perbezaan pengertian etika dan moral dapat diperjelaskan melalui penghuraian yang lebih mendalam. Menurut James O. Urmson dan Jonathan Ree pengertian etika (*ethics*), etika deskriptif (*descriptive ethics*) dan moral (*moral*) dapat diperbezakan dengan memperjelaskan tiga persoalan berikut:²¹

- a. Persoalan moral contohnya , adakah saya harus melakukan perbuatan tersebut? atau adakah Jones seorang yang baik?

- b. Persoalan tentang kebenaran pandangan moral seseorang atau sekumpulan manusia contohnya, apakah benar pandangan rakyat Malaysia tentang kebaikan atau kesalahan hiburan masa kini?
- c. Persoalan tentang pengertian perkataan-perkataan yang berkaitan dengan moral contohnya, apakah erti kebaikan? atau apakah konsep kebenaran?

Menurut James O. Urmson dan Jonathan Ree lagi dengan meneliti ketiga-tiga persoalan ini, maka pengertian etika yang lebih tepat dapat diperjelas oleh persoalan yang ketiga iaitu persoalan yang berkaitan dengan falsafah moral.²²

Sebenarnya etika adalah merujuk kepada falsafah tentang moral atau teori yang berkaitan dengan kriteria dan tanggungjawab moral.²³ Dengan erti kata yang lain, etika adalah kajian dan analisa tentang moral (*science of morals*) atau falsafah moral (*moral philosophy*) yang bersifat teoritikal. Moral pula adalah merupakan satu disiplin yang memperjelas tentang sistem nilai yang diterima pakai oleh sesebuah masyarakat. Oleh sebab itu, hubungan di antara etika dan moral adalah seperti hubungan di antara falsafah sains dan sains.²⁴ Ini bersesuaian dengan pandangan yang dikemukakan oleh John Hospers iaitu:²⁵

Ethics is concerned not only with what a certain individual or group considers right but what is right. Ethics does not merely describe moral ideas held by human beings but asks which ideal is better than others, more worth pursuing and why.

Menyedari hakikat tersebut, kajian tentang etika adalah berkait rapat dengan bidang falsafah, bahkan etika itu sendiri merupakan satu cabang falsafah.²⁶ Aristotle telah membahagikan falsafah kepada tujuh cabang iaitu logik, etika, estetika,

psikologi, politik, fizik dan metafizik, manakala golongan Stoic pula membahagikan falsafah kepada tiga cabang iaitu logik, fizik dan etika.²⁷ Sebagai satu cabang falsafah, etika turut menggunakan metode penghujahan falsafah berdasarkan logik serta penghuraian falsafah untuk menganalisa permasalahan yang berhubung dengannya.²⁸ Ini memberi maksud bahawa penggunaan akal (rasional) adalah merupakan satu keperluan yang utama.

Selain daripada itu, etika juga mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang sains. Etika bukan sahaja merupakan satu pengetahuan yang menerangkan tentang kelakuan manusia, tetapi juga merupakan satu pengetahuan untuk merumuskan kelakuan yang benar berdasarkan peraturan-peraturan yang menjadi garis panduan perlakuan. Demi mencapai maksud tersebut, etika juga dikatogerikan sebagai *normative science*.²⁹ Di dalam '*Encyclopaedia of Religion and Ethics*', Sains boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sains tabii (*natural science*) dan sains normatif (*normative science*).³⁰ Sains tabii adalah sains yang berhubung dengan huraian dan penerangan terhadap alam benda sebagaimana hakikat sebenarnya, manakala sains normatif pula adalah sains yang berhubung dengan pengadilan dan pertimbangan tentang kelakuan sesuatu di dalam alam benda tersebut.³¹

Dengan mengkatogerikan etika sebagai sains normatif, maka skop kajian etika adalah meliputi kajian mengenai sistem nilai atau garis panduan terhadap tindakan manusia. Berhubung dengan perkara ini, William Lillie telah mendefinisikan etika sebagai berikut:³²

We may define ethics as the normative science of the conduct of human beings living in society - a science which judges this conduct to be right or wrong, to be good or bad.

Kenyataan yang menjelaskan tentang kedudukan etika sebagai satu cabang sains seperti ini sesuai dengan definisi sains sebagai himpunan pengetahuan yang sistematik

dan menyeluruh tentang sesuatu perkara atau mauduk.³³ Oleh kerana itu, etika adalah berbeza daripada pengetahuan lazim kerana kajian etika adalah bersifat sistematis yang menyeluruh dan mendalam tentang sesuatu perkara.

Bagaimanapun, etika sebagai sains normatif adalah berbeza daripada sains tabii, iaitu satu lagi definisi sains yang merujuk kepada penguraian tentang alam tabii berasaskan pemerhatian empirikal melalui kajian-kajian di dalam makmal serta pemerhatian luar. Etika sebagai sains normatif adalah bermaksud, satu kajian sistematis tentang garis panduan piawai atau sistem nilai yang menjustifikasi sesuatu perkara serta mengesahkan kebenaran garis panduan piawai atau sistem nilai tersebut.³⁴ Oleh sebab itu, etika bukanlah satu kajian yang berasaskan pemerhatian empirikal tetapi lebih bersifat kajian falsafah yang memberi ruang kepada penghujahan akal seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Sebagai satu sains normatif, kajian etika bersifat mengkhusus terhadap sesuatu mauduk kajian. Kajian berhubung dengan etika adalah menjurus kepada aspek perlakuan dan tindakan manusia di dalam kehidupan individu dan bermasyarakat. Perlakuan dan tindakan manusia ini bukanlah meliputi semua jenis aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan, tetapi lebih mengkhusus kepada kelakuan dan tindakan yang berkaitan dengan kehendak atau hasrat diri seseorang (*voluntary actions*).³⁵ Kelakuan dan tindakan seperti ini merangkumi semua aktiviti yang mempunyai pilihan, aktiviti di dalam keadaan sedar, aktiviti kehidupan yang lazim dilakukan berasarkan pengalaman serta aktiviti yang lahir daripada kecenderungan hati seseorang.

Di dalam mempertimbangkan kelakuan dan tindakan manusia, Dagobert D. Runes telah membahagikan kajian etika kepada dua pendekatan iaitu:³⁶

a. Pertimbangan Berasaskan Nilai:

Pendekatan ini adalah berhubung dengan pertimbangan terhadap apakah yang dimaksudkan dengan konsep kebenaran dan konsep kesalahan. Dengan pengertian yang lain, pendekatan ini mementingkan penjelasan tentang konsep-konsep asas yang berkaitan dengan sistem nilai dalam kehidupan manusia. Pendekatan ini juga disebut sebagai teori nilai atau aksiologi.

b. Pertimbangan Berasaskan Tanggungjawab

Pendekatan ini pula adalah pertimbangan yang mementingkan aspek tanggungjawab atau kewajiban seseorang. Ini meliputi pengiktirafan dan penjelasan tentang tindakan-tindakan yang baik yang mesti dilaksanakan serta tindakan-tindakan yang salah yang mesti ditinggalkan. Pendekatan ini disebut juga sebagai teori tanggungjawab atau deontologi.

Kedua-dua pendekatan ini adalah dua elemen yang penting di dalam kajian etika. Pendekatan berdasarkan nilai adalah ke arah merumuskan teori yang perlu diselidiki, manakala pendekatan berdasarkan tanggungjawab adalah ke arah menerangkan apakah tindakan yang perlu dilakukan.³⁷

Satu lagi persoalan yang amat penting berhubung dengan etika ialah sumber yang menjadi dasar untuk merumuskan sesuatu garis panduan piawai atau sistem nilai tentang konsep kebaikan dan keburukan. Sesuatu tindakan manusia hanya akan dapat diadili apabila wujudnya satu garis panduan piawai atau sistem nilai tertentu. Menurut W. David Ross, garis panduan piawai atau sistem nilai tentang kebaikan dan keburukan boleh bersumberkan kepada dua perkara iaitu:³⁸

a. Kecenderungan Sikap:

Kebaikan atau kebenaran boleh didefinisikan sebagai perkara atau tindakan yang direstui oleh citrasa individu atau masyarakat (*naturalistic*). Kebaikan dan kebenaran juga adalah merujuk kepada perkara atau tindakan yang seharusnya menjadi hasrat atau kecenderungan citrasa individu atau masyarakat (*non naturalistic*). Oleh kerana itu, garis panduan piawai atau sistem nilai tentang kebaikan dan keburukan boleh bersumberkan kepada kecenderungan sikap seseorang atau sekumpulan manusia.

b. Kesan Hasilan (implikasi):

Kebaikan atau kebenaran adalah merujuk kepada sebarang perkara atau tindakan yang menghasilkan situasi yang menyenangkan atau memenuhi kepuasan hati (*naturalistic*). Kebaikan atau kebenaran juga mencakupi semua tindakan yang menghasilkan kesan-kesan yang baik atau positif (*non naturalistic*). Di dalam konteks ini, garis panduan piawai atau sistem nilai adalah berdasarkan kesan hasilan atau implikasi tindakan.

Dasar yang dikemukakan oleh W. David Ross di atas adalah bersifat umum, tetapi boleh dijadikan sebagai sumber taakulan untuk merumuskan sesuatu garis panduan piawai atau sistem nilai sesebuah masyarakat.

Perkembangan falsafah khususnya semenjak Tamadun Yunani, telah memperlihatkan kewujudan pelbagai aliran pemikiran tentang etika. Perbezaan sumber taakulan di dalam merumuskan garis panduan piawai atau sistem nilai telah mencetuskan beberapa aliran pemikiran berikut.³⁹

a. *Positivism* (*Positivisme*)

Aliran pemikiran positivisme menyatakan bahawa untuk menilai kebaikan dan keburukan adalah merujuk kepada persepsi masyarakat sebagai neraca utama. Menurut aliran pemikiran ini wujudnya etika ialah kerana seseorang hidup secara bermasyarakat. Kebaikan menurut aliran pemikiran ini ialah sesuatu yang dianggap baik oleh masyarakat, manakala keburukan pula ialah sesuatu yang dianggap buruk oleh masyarakat.

b. *Naturalism* (*Naturalisme*)

Aliran pemikiran naturalisme menyatakan bahawa terdapat perasaan semulajadi di dalam diri individu yang cenderung terhadap kebaikan. Sesuatu yang baik adalah yang bertepatan dengan naluri semulajadi manusia. Oleh sebab itu, naluri semulajadi terhadap kebaikan ini menjadi asas pertimbangan untuk menentukan konsep kebaikan atau keburukan.⁴⁰

c. *Utilitarianism* (*Utilitarianisme*)

Menurut aliran pemikiran utilitarianisme untuk menilai konsep kebaikan atau keburukan, sesuatu perkara itu mestilah ditinjau dari segi sedikit atau banyaknya manfaat yang diperolehi oleh manusia. Kebaikan menurut aliran pemikiran ini ialah sesuatu yang difikirkan boleh memberi manfaat, sebaliknya keburukan pula ialah sesuatu yang difikirkan boleh mendatangkan mudarat. Jadi, neraca kepada kebaikan dan keburukan ialah bersandarkan kepada implikasi tindakan sama ada membawa manfaat atau mudarat.

d. *Hedonism* (Hedonisme)

Aliran pemikiran hedonisme berpendapat bahawa asas pertimbangan kepada konsep kebaikan atau keburukan ialah keseronokan atau kelazatan yang diperolehi oleh seseorang individu.⁴¹ Kebaikan ialah sesuatu yang boleh mencetuskan keseronokan atau kepuasan hati, manakala keburukan pula ialah sesuatu yang mendatangkan keberatan atau kesempitan hati. Oleh sebab itu, neraca kebaikan dan keburukan bagi aliran pemikiran hedonisme ini ialah nafsu atau kepuasan hati.

e. *Intuitionism* (Intuisinisme)

Aliran pemikiran intuisinisme menyatakan bahawa neraca untuk menentukan konsep kebaikan atau keburukan ialah intuisi.⁴² Intuisi ialah kebolehan mengetahui sesuatu tanpa berfikir dan mengkaji, sebaliknya berpandukan kepada kejiwaan atau bisikan kalbu. Oleh sebab itu, kebaikan menurut aliran pemikiran ini ialah sesuatu yang diterima benar oleh bisikan kejiwaan dan demikian pula sebaliknya.

g. *Emotivism* (Emotivisme)

Menurut aliran pemikiran emotivisme konsep kebaikan dan keburukan itu berkaitan rapat dengan emosi moral seseorang. Kebaikan adalah sesuatu yang dapat menghidupkan atau membangkitkan emosi seseorang untuk bertindak sebagaimana dikehendaki.⁴³ Keburukan pula adalah sesuatu yang memadamkan emosi seseorang lalu menghalang daripada melakukan tindakan.

h. *Idealism* (Idealisme)

Aliran pemikiran ini adalah berkaitan dengan sifat kerohanian. Neraca untuk menentukan kebaikan atau keburukan adalah merujuk kepada konsep kerohanian

tertinggi. Ini bermaksud bahawa sesuatu kebaikan itu adalah perkara yang seharusnya selaras dengan idealisme tertinggi seseorang, lalu dia berkewajipan melakukan perkara itu di dalam kehidupannya. Di dalam konteks ini ilmu memainkan peranan utama untuk membuat pertimbangan terhadap nilai tindakan seseorang.

Selain daripada sumber taakulan sebagai teras garis panduan piaawai atau sistem nilai, sumber wahyu atau keagamaan juga turut diambil perhatian. Sebahagian besar masyarakat dunia adalah merupakan pengikut agama-agama tertentu. Setiap agama mempunyai ajaran-ajaran yang berkaitan dengan etika berpandukan kepada kitab-kitab suci agama masing-masing. Berbeza dengan etika yang berteraskan sumber taakulan, etika yang berteraskan keagamaan menghubungkan perlakuan-perlakuan manusia dengan ketuhanan, malah perlakuan-perlakuan manusia itu akan menerima balasan baik dan buruk daripada tuhan sama ada di alam nyata atau alam ghaib. Di antara agama-agama yang menjadi teras etika utama masyarakat dunia ialah:

a. Islam:

Islam adalah agama yang bersumberkan kepada kitab Al-Quran di samping petunjuk-pentunjuk (*al-Sunnah*) yang dibawa oleh pembawa risalah terakhir iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Panduan-panduan tentang etika atau di dalam ajaran Islam disebut akhlak adalah bersumberkan Al-Quran dan Sunah (*al-Sunnah*). Menurut kitab Al-Quran dan Sunah setiap perlakuan manusia zahir dan batin akan mendapat pembalasan daripada Allah S.W.T sama ada di dunia atau di akhirat. Bidang Akhlak telah berkembang menjadi satu disiplin pengajian tersendiri di dalam sejarah ketamadunan Islam sejak abad ketujuh Masihi lagi. Di antara tokoh-tokoh ilmuan

Islam di dalam bidang akhlak ialah al-Farabi (870 – 950 M), Ibn Miskawaih (934 – 1030 M) dan al-Ghazali (1058 – 1111 M).⁴⁴

b. Kristian:

Kristian adalah agama yang bersumberkan kepada kitab Bible iaitu kitab yang dibawa oleh Jesus (Nabi Isa A.S.) menurut kepercayaan Kristian. Di dalam Bible ini terkandung ajaran-ajaran yang berkaitan dengan panduan-panduan perlakuan penganut Kristian untuk mencapai kebahagian hidup. Ajaran Kristian mempercayai bahawa balasan baik dan buruk akan ditimpakan oleh Tuhan kepada seseorang manusia pada hari pembalasan kelak berdasarkan perlakuan-perlakuan yang dilakukannya di dalam kehidupan.

c. Hinduisme

Hinduisme adalah agama yang bersumberkan kepada kumpulan kitab *Veda* yang terdiri daripada empat kitab iaitu *Rigveda*, *Yajurveda*, *Samaveda* dan *Artharvaveda*. Panduan-panduan tentang perlakuan penganut Hinduisme adalah bersumberkan kepada kitab-kitab ini. Balasan-balasan terhadap perlakuan seseorang manusia dikaitkan dengan konsep *Karma*, iaitu kelahiran semula jiwa (*Atman*) seseorang sama ada dalam bentuk baik atau buruk berdasarkan perlakuan yang dilakukan di dalam kehidupan sebelumnya. Seseorang penganut Hinduisme mesti berusaha untuk memusnahkan segala nafsu dan menimbulkan ketenangan sehingga tidak wujud lagi *Karma* yang menyebabkan perpindahan jiwa yang berpanjangan. Pembebasan daripada *Karma* ini disebut *Moksha*.

d.Buddhisme

Buddhisme adalah agama yang disandarkan kepada Sidhdharta Gautama Buddha. Perkataan *buddha* bermaksud orang yang mendapat penerangan. Ajaran-ajaran Sidhdharta Gautama Buddha terkandung di dalam kitab *Tripitika* yang menjadi kitab suci penganut Buddhisme. Panduan-panduan tentang perlakuan seseorang penganut Buddhisme boleh diperolehi daripada kitab *Tripitika*. Menurut ajaran Buddhisme perlakuan seseorang itu akan mendapat pembalasan tertakluk kepada konsep *Karma* seperti yang turut diajar oleh agama Hinduisme. Bagaimanapun seseorang penganut Buddhisme mesti berusaha untuk mencapai *Nirwana*, iaitu kemusnahan segala nafsu dan kehendak sehingga tidak wujud lagi kelahiran semula.

Sebagai satu rumusan, etika adalah merupakan satu disiplin pengajian yang membahaskan garis panduan piawai atau sistem nilai yang memandu perlakuan dan tindakan manusia di dalam kehidupan. Untuk merumuskan garis panduan piawai atau sistem nilai itu sumber taakulan telah diterima sebagai satu teras, yang dikaitkan dengan pendekatan falsafah. Di samping itu sumber keagamaan juga merupakan teras yang penting kepada penentuan garis panduan piawai atau sistem nilai, malah mempunyai pengaruh yang lebih besar di dalam masyarakat dunia seperti yang dapat dilihat daripada penjelasan-penjelasan yang diberikan di atas.

1.3.2 Definisi Alam Sekitar

Alam sekitar adalah satu perkataan yang amat biasa digunakan oleh manusia bagi menggambarkan fenomena yang wujud di sekeliling mereka. Perkataan ‘alam sekitar’ atau di dalam bahasa Inggeris disebut ‘*environment*’ membawa maksud keadaan sekeliing (*surroundings*) atau lingkungan (*circumstances*).⁴⁵ Oleh kerana itu,

sekiranya berdasarkan kepada terjemahan literal, maka perkataan ‘alam sekitar’ adalah merujuk kepada apa sahaja yang melingkungi dan mengelilingi manusia. Bagaimanapun secara lebih khusus perkataan ‘alam sekitar’ merujuk kepada fenomena fizikal sama ada biotik atau abiotik yang melingkungi sesuatu organisma.⁴⁶ Fenomena fizikal ini termasuklah juga fenomena yang berkaitan dengan iklim dan cuaca.⁴⁷

Definisi alam sekitar seperti yang telah dinyatakan di atas secara langsung menolak fenomena sekeliling yang bukan fizikal. Di antara fenomena sekeliling yang bukan fizikal ialah fenomena sosial yang meliputi suasana politik, ekonomi dan budaya sesebuah masyarakat. Fenomena sosial seperti ini termasuk di dalam pengertian alam sekitar menurut pengajian Sains Sosial. Selain daripada itu, di dalam pengajian keagamaan pengertian alam sekitar tidak terhad hanya kepada alam sekitar fizikal tetapi juga alam sekitar metafizikal yang dihubungkan dengan kuasa ketuhanan. Walau bagaimanapun, definisi yang diterima di dalam pengajian Sains Alam Sekitar hanya terbatas kepada fenomena fizikal sesuai dengan pandangan alam empirikal sains moden.

Di dalam pengajian Geografi Fizikal yang berdasarkan pendekatan sistem (*systems approach*), alam sekitar ini didefinisikan sebagai satu sistem bumi keseluruhan yang mempunyai komponen-komponen (*sub-system*) seperti biosfera, atmosfera, hidrosfera dan lain-lain. Setiap komponen di dalam sistem bumi keseluruhan ini pula mengandungi komponen-komponen yang lebih kecil sehingga kepada komponen yang paling asas, contohnya sebuah lembangan saliran. Komponen-komponen alam sekitar di setiap peringkat adalah saling berinteraksi dan mempengaruhi di antara satu sama lain. Sesuatu perubahan yang berlaku di dalam

komponen-komponen boleh menyebabkan gangguan terhadap keseimbangan sistem bumi keseluruhan.

Menurut James M. Baldwin, alam sekitar boleh didefinisikan sebagai lingkungan dan keadaan luar keseluruhan yang memberi pengaruh serta berinteraksi dengan organisma di dalam apa juga peringkat kedudukannya.⁴⁸ Pengertian ini menggambarkan bahawa alam sekitar mestilah dilihat secara keseluruhan tanpa mewujudkan pemisahan di antara komponen-komponen di dalamnya. Di dalam '*Dictionary of Ecology and Environment*' pula, L.L.Somani telah mendefinisikan alam sekitar dengan mengatogerikannya kepada empat pengertian iaitu :⁴⁹

- a. Alam sekitar adalah semua istilah yang berkaitan dengan pengaruh luaran seperti pancaran suria, suhu, kelembaban dan lain-lain yang memberi kesan kepada pertumbuhan, kesihatan dan aktiviti organisme.
- b. Alam sekitar ialah keseluruhan keadaan dan pengaruh luaran yang mempengaruhi kehidupan, perkembangan dan kelangsungan hidup sesuatu organisme.
- c. Alam sekitar adalah keseluruhan faktor dan entiti hidup dan bukan hidup yang bersifat saling berkesimbangan dengan kehidupan organisme.
- d. Alam sekitar adalah merujuk kepada semua fenomena fizikal, kimia dan biologi termasuklah budaya yang melingungi kehidupan.

Kesemua definisi yang telah dikemukakan di atas secara umumnya menjelaskan bahawa alam sekitar adalah keseluruhan fenomena sekeliling yang boleh

mempengaruhi kehidupan sesuatu organisme. Bagaimanapun, fenomena sekeliling yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia sudah pasti berbeza dengan fenomena sekeliling yang boleh mempengaruhi organisme yang lain. Oleh kerana itu, definisi ‘alam sekitar manusia’ adalah lebih khusus daripada pengertian umum alam sekitar. Menurut Alan Gilphin di dalam *'Dictionary of Environmental Terms'*, alam sekitar manusia adalah bermaksud kesemua unsur hidup dan bukan hidup serta faktor sosial yang melingkungi manusia.⁵⁰ Pandangan yang hampir sama turut dikemukakan oleh Benjamin B.Wolman, iaitu alam sekitar adalah semua fenomena luaran termasuklah faktor fizikal dan sosial yang mempunyai potensi untuk mempengaruhi kehidupan.⁵¹

Fenomena sekeliling yang mempengaruhi manusia sememangnya tidak terhad kepada faktor fizikal semata-mata, sebaliknya faktor sosial turut berperanan. Namun demikian di dalam konteks krisis alam sekitar hari ini, pengertian alam sekitar manusia adalah terbatas hanya kepada keseluruhan fenomena fizikal yang wujud di sekeliling manusia sehingga ke peringkat sistem global. Definisi ini telah diterima oleh kebanyakan pengkaji di dalam pengajian Sains Alam Sekitar. Sungguhpun demikian, pengaruh faktor sosial tidak diketepikan begitu sahaja, sebaliknya faktor itu mempunyai peranan penting bagi menjelaskan bagaimana aktiviti kemanusiaan boleh mempengaruhi alam sekitar.

1.3.3 Definisi Etika Alam Sekitar

Berdasarkan kepada huraian definisi ‘etika’ dan ‘alam sekitar’ sebelum ini, bolehlah dikemukakan definisi keseluruhan perkataan ‘etika alam sekitar’ itu. Etika alam sekitar boleh ditakrifkan sebagai satu disiplin pengajian yang membahaskan tentang sistem nilai yang perlu wujud untuk menjustifikasi tindakan manusia, sama ada tindakan yang diambil baik atau buruk terhadap alam sekitar. Dengan

berdasarkan sistem nilai tersebut, sesuatu tindakan manusia ke atas alam sekitar boleh dikategorikan sebagai tindakan yang baik atau buruk. Sesuatu sistem nilai tentang alam sekitar yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat boleh diaplikasikan sebagai kod etika atau garis panduan moral kepada setiap anggota masyarakat, malah boleh berkembang menjadi perundangan dan polisi berkaitan dengan alam sekitar.

Definisi etika alam sekitar yang dikemukakan ini amat sesuai dengan perkembangan pengajian Sains Alam Sekitar pada masa kini. Etika alam sekitar pada masa kini bukan sahaja merupakan satu pengamalan moral seseorang terhadap alam sekitar, tetapi juga satu disiplin pengajian yang bertujuan merumuskan satu sistem nilai tentang alam sekitar yang sesuai untuk sesebuah masyarakat. Sebenarnya, generasi-generasi manusia zaman klasik telahpun mempunyai satu bentuk pengamalan moral terhadap alam sekitar yang dipengaruhi oleh kebudayaan dan kepercayaan setempat. Pengamalan moral di kalangan generasi manusia zaman klasik ini meliputi aspek pandangan alam, corak interaksi manusia dan alam sekitar, klasifikasi tindakan-tindakan sama ada baik atau buruk terhadap alam sekitar serta bentuk pembalasan yang mungkin diterima bagi seseorang yang melakukan kedurjanaan ke atas alam sekitar.⁵²

Meskipun demikian, keseimbangan alam sekitar pada zaman klasik tidak menghadapi gangguan daripada aktiviti kemanusiaan sehingga mengakibatkan krisis sebagaimana masa kini. Oleh sebab itu, pengamalan moral terhadap alam sekitar ini lebih bersifat adat yang menjadi amalan tradisi turun-temurun. Menjelang kemunculan zaman moden yang berorientasikan sains dan teknologi pengamalan moral yang bersifat klasik ini semakin terhakis, bermula di dunia barat sampai tersebar ke seluruh dunia. Krisis alam sekitar yang melanda zaman moden ini telah mencetuskan semula minat di kalangan para ilmuwan untuk mendalami semula

pengamalan moral terhadap alam sekitar generasi terdahulu. Kebangkitan minat ini telah membawa kepada kajian yang mendalam tentang sistem nilai yang berkaitan dengan alam sekitar. Kemunculan disiplin pengajian Etika Alam Sekitar ini adalah hasil daripada perkembangan kajian-kajian tentang sistem nilai tersebut.

Menyedari hakikat tersebut, Etika Alam Sekitar pada masa kini adalah satu disiplin pengajian, bukan sekadar pengamalan moral terhadap alam sekitar. Selain daripada itu, definisi Etika Alam Sekitar yang dikemukakan ini juga bertepatan dengan pengertian etika yang merujuk kepada falsafah moral dan sains normatif. Etika sebagai satu topik yang dikaitkan dengan falsafah moral dan sains normatif sudah tentu melibatkan diskusi dan wacana yang mendalam. Situasi seperti ini tidak mungkin wujud melainkan sesuatu topik itu dikaitkan dengan sesuatu disiplin pengajian. Oleh sebab itu, pengertian Etika Alam Sekitar juga tidak lengkap sekiranya tidak dikaitkan dengan kedudukannya sebagai satu disiplin pengajian yang semakin berkembang pada hari ini.

Kadangkala Etika Alam Sekitar juga dikenali sebagai Etika Ekologi (*Ecological Ethics*). Perkataan ‘alam sekitar’ dan ‘ekologi’ sebenarnya mempunyai pengertian yang sedikit berbeza, namun penggunaannya pada masa kini selalunya merujuk kepada perkara yang sama. Di antara penulis yang menggunakan perkataan Etika Ekologi ialah John McCloskey, Ian Barbour dan J. Baird Callicott. Walaupun John McCloskey di dalam artikelnya yang bertajuk '*Ecological Ethics and Its Justification: A Critical Appraisal*' telah cuba untuk membezakan definisi Etika Alam Sekitar dan Etika Ekologi, perbezaan yang dikemukakan adalah terlalu kecil.⁵³ Hakikatnya, Etika Alam Sekitar dan Etika Ekologi membicarakan perkara yang sama, iaitu membahaskan sistem nilai yang perlu untuk manusia di dalam berinteraksi dengan alam sekitar di atas muka bumi ini.

1.4 KONSEP ETIKA ALAM SEKITAR

Etika Alam Sekitar adalah satu disiplin pengajian yang semakin berkembang mutakhir ini. Seperti yang telah diperjelaskan, pengamalan moral terhadap alam sekitar sebenarnya telah wujud di kalangan generasi manusia terdahulu. Oleh sebab itu, adakah generasi hari ini memerlukan satu bentuk Etika Alam Sekitar baru atau pengamalan moral terhadap alam sekitar yang sedia ada sudah mencukupi? Persoalan ini pasti timbul di dalam konteks pengajian Etika Alam Sekitar yang sedang berkembang masa kini. Wujud pendapat yang menyarankan supaya dibentuk sistem nilai yang baru bersesuaian dengan krisis alam sekitar zaman moden, di samping terdapat juga saranan supaya dilakukan kajian terhadap sistem nilai tradisi yang sedia ada.

Etika Alam Sekitar masa kini dikatakan memerlukan sistem nilai yang baru meliputi kepentingan semua kehidupan, bukan sekadar mementingkan keperluan manusia semata-mata. Sistem nilai tradisional dianggap bersifat *anthropocentric* kerana menumpukan hanya kepada kepentingan manusia. Richard Sylvan di dalam artikelnya yang bertajuk '*Is There a Need for a New An Environmental Ethic*', telah mengemukakan alasan ini bagi menjelaskan mengapa sistem nilai tradisional tidak sesuai lagi dijadikan dasar kepada Etika Alam Sekitar.⁵⁴ Beliau telah memetik pandangan Aldo Leopold yang menyatakan bahawa di dalam sistem nilai tradisional, manusia boleh bertindak sesuka hati ke atas alam sekitar selama mana tindakan tersebut tidak mengganggu manusia yang lain.⁵⁵

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Donald Scherer di dalam koleksi eseinya yang bertajuk '*Upstream/Downstream, Issues in Environmental Ethics*'.⁵⁶ Donald Scherer telah mengemukakan tujuh keadaan yang menjelaskan

bagaimana sistem nilai tradisional gagal berperanan untuk memulihara alam sekitar.⁵⁷ Selain daripada bersifat *anthropocentric*, sistem nilai tradisional juga mempunyai kelemahan seperti kesukaran dalam menentukan siapa bertanggungjawab serta kejailan di dalam mengenalpasti kesan aktiviti kemanusiaan di pelbagai peringkat. Bagi golongan yang berpandangan seperti ini, sistem nilai tradisional tidak lagi sesuai untuk dijadikan dasar Etika Alam Sekitar kerana suasana zaman moden yang begitu rencam dan berbeza daripada suasana yang wujud pada zaman terdahulu.

Sebaliknya menurut William K. Frankena, Etika Alam Sekitar tidak dapat dipisahkan daripada sistem nilai tradisional, malah di dalam kebanyakan sistem nilai tradisional sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyeluruh atau sebahagian pasti wujud perkara yang menyentuh tentang hubungan manusia dan alam sekitar.⁵⁸ Kepekaan terhadap pemuliharaan alam sekitar bukanlah satu perkara yang baru, sebaliknya telah menjadi amalan turun-temurun sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Berdasarkan hakikat tersebut, William K. Frankena menolak pandangan yang mengusahakan satu bentuk Etika Alam Sekitar yang baru seperti yang digagaskan oleh beberapa pengkaji.⁵⁹

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa di dalam sistem nilai tradisional terdapat banyak pengajaran yang berkaitan dengan pengamalan moral terhadap alam sekitar, khususnya sistem nilai tradisi yang berasaskan keagamaan. Menurut Azizan Baharuddin sistem nilai tradisional ini khususnya sumber keagamaan boleh dijadikan asas Etika Alam Sekitar yang relevan kepada situasi semasa.⁶⁰ Adalah amat merugikan sekiranya pengkaji-pengkaji Etika Alam Sekitar mengenepikan sama sekali sistem nilai tradisional berasaskan keagamaan yang telah mengajar penganut masing-masing bagaimana berinteraksi dengan alam sekitar. Pembentukan satu

bentuk Etika Alam Sekitar yang baru bukan satu perkara yang mudah, apatah lagi untuk menarik masyarakat manusia menghayati dan mengamalkannya.

Sistem nilai tradisional mempunyai kaitan yang amat rapat dengan aspek keagamaan dan kepercayaan. Pengamalan moral terhadap alam sekitar generasi manusia sebelum ini yang berpandukan sistem nilai tradisional sebenarnya adalah manifestasi daripada pegangan keagamaan dan kepercayaan yang diterima. Selain daripada itu, terdapat juga pengamalan moral terhadap alam sekitar yang telah menjadi adat sesuatu kaum turun-temurun. Oleh kerana itu, sistem nilai tradisional boleh membantu memudahkan pencarian terhadap Etika Alam Sekitar selama ini di samping memberi kesenangan kepada masyarakat manusia untuk menghayati dan mengamalkannya. Sungguhpun demikian, tidak semua sistem nilai tradisional boleh diambil sebagai dasar pembentukan Etika Alam Sekitar.

Kajian yang terperinci perlu dilakukan oleh para pengkaji Etika Alam Sekitar terhadap sistem nilai tradisional untuk menapis aspek-aspek yang tidak sesuai. Tanggungjawab inilah yang sepatutnya disempurnakan oleh para pengkaji Etika Alam Sekitar pada hari ini, bukannya menolak mentah-mentah sistem nilai tradisional. Kajian mendalam yang dilakukan sudah pasti boleh memperlihatkan adakah benar sistem nilai tradisional bersifat *anthropocentric* seperti yang didakwa atau bersifat *ecocentric* seperti yang selalu dikehendaki oleh para pengkaji. Oleh kerana itu, amatlah wajar sistem nilai tradisi yang menghasilkan pengamalan moral terhadap alam sekitar di kalangan generasi manusia terdahulu tidak diabaikan begitu sahaja.

Pemakaian sistem nilai tradisional sebagai dasar Etika Alam Sekitar sememangnya memerlukan pendekatan yang sesuai dengan situasi kehidupan manusia masa kini. Krisis alam sekitar yang diakibatkan oleh aktiviti kemanusiaan hari ini adalah begitu kronik dan memerlukan pengetahuan sains yang terperinci bagi

menjelaskan realiti semasa yang berlaku. Sehubungan dengan itu, kesatuan pendekatan di antara sistem nilai tradisional dan pengetahuan sains adalah satu dasar yang kukuh ke arah pembentukan Etika Alam Sekitar.

1.4.1 Dasar Sistem Nilai Etika Alam Sekitar

Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini, etika adalah satu perbahasan tentang garis panduan piaui atau sistem nilai bagi menjustifikasi perlakuan dan tindakan manusia sama ada baik atau buruk. Ke arah pembentukan sesuatu sistem nilai, sumber taakulan dan sumber keagamaan telah menjadi dasar yang utama. Kelahiran pelbagai sistem nilai yang dipegang oleh sesebuah masyarakat sepanjang sejarah peradaban manusia, selalunya merujuk kepada kedua-dua sumber tersebut. Demikian juga sistem nilai tradisional yang telah mendorong pengamalan moral ke atas alam sekitar di kalangan generasi manusia terdahulu, kedua-dua sumber ini turut menjadi dasar yang penting.

Pemakaian sistem nilai tradisional ke arah pembentukan Etika Alam Sekitar masa kini, secara tidak langsung menyebabkan sumber taakulan dan sumber keagamaan turut diberi perhatian. Selain daripada itu, pemahaman tentang hukum-hukum alam tabii juga merupakan sumber yang cukup penting untuk menilai perlakuan dan tindakan manusia ke atas alam sekitar. Pemahaman tentang hukum-hukum alam tabii mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian-kajian saintifik. Oleh yang demikian, pengetahuan sains juga perlu sebagai dasar pembentukan Etika Alam Sekitar. Secara keseluruhan sumber-sumber yang menjadi dasar kepada pembentukan Etika Alam Sekitar adalah seperti berikut:

a. Sumber Taakulan

Sumber taakulan adalah menekankan kepada proses pemikiran atau penggunaan intelek untuk menjustifikasikan perlakuan dan tindakan manusia terhadap alam sekitar. Pemakaian sumber taakulan pada hari ini semakin berkembang sebagai dasar pembentukan Etika Alam Sekitar khususnya di dunia barat. Para pengkaji Etika Alam Sekitar telah membangkitkan semula pandangan-pandangan ahli falsafah Yunani tentang etika, lalu disesuaikan untuk situasi masa kini. Terdapat juga di kalangan pengkaji Etika Alam Sekitar hari ini memerah daya pemikirannya sendiri untuk merumuskan sistem nilai yang terbaik bagi Etika Alam Sekitar. Hasilnya, lahir berbagai aliran pemikiran yang membahaskan tentang sistem nilai yang paling sesuai ke arah pembentukan Etika Alam Sekitar zaman moden.

b. Sumber Keagamaan

Sumber keagamaan adalah merujuk kepada pengajaran-pengajaran yang berpandukan kepada kitab suci agama masing-masing sebagai neraca kepada perlakuan dan tindakan manusia. Pengkajian terhadap sumber keagamaan sebagai sumber kepada pembentukan Etika Alam Sekitar sememangnya telah berkembang mutakhir ini. Agama-agama yang mendapat perhatian di dalam pengkajian ini ialah seperti Islam, Kristian, Hindu, Budhisme dan Judaisme. Ini termasuklah juga kajian terhadap kepercayaan spiritisme di kalangan masyarakat primitif yang juga disebut *Traditional Environmental Knowledge, Folk Ecology* atau *Indigenous Knowledge*.⁶¹

c. Sumber Saintifik

Sumber saintifik adalah perlu sebagai sumber pembentukan Etika Alam Sekitar masa kini. Kajian-kajian saintifik tentang fenomena alam sekitar adalah

penting untuk menilai tindakan manusia secara saintifik, sama ada memberi faedah atau mudarat ke atas alam sekitar. Tidak dapat dipertikaikan bahawa timbulnya kesedaran tentang kemerosotan alam sekitar sehingga menimbulkan krisis pada hari ini adalah sumbangan daripada kajian-kajian saintifik, malah tanpa kajian-kajian saintifik amatlah sukar untuk menjustifikasi sesuatu tindakan itu baik atau buruk terhadap alam sekitar. Oleh sebab itu, pemakaian sumber saintifik sebagai dasar pembentukan Etika Alam Sekitar adalah menepati keperluan semasa.

1.4.2 Prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar Masa Kini

Pencarian terhadap Etika Alam Sekitar masih merupakan sesuatu yang kabur, walaupun sumber yang menjadi dasar pembentukannya telah wujud. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang tuntas untuk diterima setidak-tidaknya oleh sesebuah masyarakat. Pada hari ini pertikaian tentang prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar masih berlarutan di kalangan para pengkaji Etika Alam Sekitar. Di antara pertikaian tersebut ialah yang berhubung dengan kecenderungan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar tersebut. Adakah kecenderungan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar itu menjurus kepada pandangan *anthropocentric*, *biocentric*, *ecocentric* atau *technocentric*? Persoalan ini terus menjadi topik perbahasan di kalangan para pengkaji.

a. Pandangan *Anthropocentric* (Antroposentrik)

Terdapat beberapa aliran pemikiran tentang Etika Alam Sekitar yang mempunyai prinsip-prinsip menjurus kepada antroposentrik. Antroposentrik membawa maksud faktor kemanusiaan adalah matlamat terakhir kepada keseluruhan yang berlaku di alam ini dan keseluruhannya dinilai berdasarkan faktor tersebut.⁶² Oleh

kerana itu, prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang bersifat antroposentrik memberi penekanan kepada kepentingan manusia serta survival mereka pada masa yang akan datang. Menurut pandangan anthroposentrik dengan mengutamakan kepentingan manusia secara tidak langsung akan memenuhi kepentingan komponen-komponen alam sekitar yang lain.

Sememangnya tidak dapat dipertikaikan bahawa krisis alam sekitar yang berlaku zaman ini adalah akibat daripada aktiviti kemanusiaan. Menyedari perkara tersebut, golongan pendokong pandangan antroposentrik berpandangan adalah wajar faktor kemanusiaan dijadikan fokus di dalam pembentukan sistem nilai yang berkaitan dengan Etika Alam Sekitar. Menurut mereka lagi, tanpa meletakkan faktor kemanusiaan sebagai fokus, sesuatu sistem nilai yang berkaitan dengan Etika Alam Sekitar tidak mungkin dapat diaplikasikan di dalam realiti kehidupan manusia khususnya pada masa kini. William Grey seorang pengkaji yang mempertahankan pandangan antroposentrik menyarankan supaya para pengkaji Etika Alam Sekitar tidak menolak pandangan anthroposentrik, sebaliknya memahami konsep kepentingan manusia dari perspektif yang lebih luas.⁶³ Menurut beliau, konsep kepentingan manusia sebenarnya nencakupi kepentingan semua komponen alam sekitar yang lain kerana semuanya merupakan keperluan bagi manusia.

b. Pandangan *Biocentric* (Biosentrik)

Terdapat juga beberapa aliran pemikiran tentang Etika Alam Sekitar yang mengemukakan prinsip-prinsip cenderung kepada pandangan biosentrik. Jika pandangan antroposentrik lebih mengutamakan kepentingan manusia, pandangan biosentrik pula cuba untuk memperluaskan ruang lingkup kepentingan meliputi

keseluruhan kehidupan. Menurut Paul Taylor secara umumnya prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang bersifat biosentrik menekankan empat perkara iaitu:⁶⁴

- i. Manusia adalah ahli kepada seluruh komuniti kehidupan di atas muka bumi, bahkan mereka adalah termasuk di dalam spesis haiwan sebagaimana yang dikemukakan oleh Teori Evolusi.
- ii. Bumi adalah ekosistem semulajadi yang begitu rencam, iaitu mengandungi jaringan seluruh kehidupan yang saling berhubungan serta mempengaruhi di antara satu sama lain.
- iii. Setiap kehidupan digambarkan mempunyai tujuan hidup serta memerlukan keperluan masing-masing yang diperolehi melalui cara tersendiri sebagaimana juga manusia.
- iv. Manusia mesti meninggalkan sama sekali tanggapan yang meletakkan mereka lebih tinggi daripada spesis kehidupan yang lain.

Daripada prinsip-prinsip umum yang dikemukakan oleh Paul Taylor tersebut, jelas menegaskan bahawa manusia mesti menghormati kehidupan lain yang disifatkan berkongsi hidup dengan mereka di atas muka bumi. Golongan yang mempertahankan pandangan biosentrik menyatakan bahawa setiap kehidupan mempunyai hak asasi masing-masing untuk survival mereka. Oleh sebab itu, manusia tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya mencerobohi hak asasi kehidupan yang lain semata-mata untuk memenuhi selera mereka. Menurut golongan ini lagi, Etika Alam Sekitar yang bersifat

anthroposentrik adalah mewarisi pandangan yang meletakkan kepentingan manusia mengatasi kepentingan kehidupan yang lain dan pandangan ini mestilah diketepikan.

c. Pandangan *Ecocentric* (Ekosentrik)

Satu lagi kecenderungan yang timbul di kalangan para pengkaji berkaitan dengan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar ialah pandangan ekosentrik. Prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang bersifat ekosentrik meletakkan keseimbangan ekosistem sebagai matlamat kepada aktiviti-aktiviti kehidupan. Menurut David Pepper, prinsip-prinsip *ecocentric* menggambarkan bahawa manusia adalah sebahagian daripada ekosistem global yang tertakluk kepada hukum-hukum ekosistem semulajadi.⁶⁵ Pelanggaran terhadap hukum-hukum ekosistem semulajadi ini akan mengganggu keseimbangan ekosistem keseluruhannya. Oleh sebab itu, kepentingan untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem adalah lebih perlu diutamakan daripada sekadar memenuhi hak-hak seluruh kehidupan sebagaimana pandangan *biocentric*.

Sebenarnya kedua-dua pandangan ekosentrik dan pandangan biosentrik cuba mengetengahkan aspek nilai fitrah yang wujud di dalam alam sekitar semulajadi (*intrinsic value*). Bagaimanapun Louis P. Pojman menyatakan bahawa pandangan ekosentrik adalah bersifat holistik berbanding dengan pandangan biosentrik yang lebih bersifat individualistik.⁶⁶ Menurut T O'Riordan pula kemunculan pandangan ekosentrik adalah berasal daripada falsafah *romanticism* (romantisisme) pada pertengahan kurun ke-19, iaitu falsafah yang menekankan hubungan yang baik di antara masyarakat dan alam sekitar semulajadi.⁶⁷ Ke arah mengekalkan hubungan yang baik ini, keseimbangan ekosistem perlulah dikekalkan. Pada hari ini kajian-kajian di dalam bidang Ekologi telah banyak menyumbang kepada pencarian hukum-

hukum ekosistem semualjadi yang perlu difahami demi pengekalan keseimbangan ekosistem.

d. Pandangan *Technocentric* (Teknosentrik)

Perkembangan sains dan teknologi pada hari ini telah mendorong wujudnya satu lagi kecenderungan di kalangan para pengkaji Etika Alam Sekitar iaitu golongan teknosentrik. Pandangan teknosentrik memberi penekanan terhadap potensi manusia melalui sains dan teknologi untuk terus membangun tanpa menjelaskan alam sekitar. Menurut David Pepper, golongan teknosentrik begitu menyedari tentang permasalahan alam sekitar tetapi yakin masyarakat manusia masa kini boleh mengatasinya serta mencapai pertumbuhan ekonomi tanpa batasan melalui pengurusan alam sekitar yang berkesan.⁶⁸ Menurut T O'Riordan pula, beberapa orang pengkaji Etika Alam Sekitar mempercayai bahawa pandangan teknosentrik didorong oleh pengajaran Bible yang menyuruh manusia meningkatkan hasil daripada bumi di samping menggunakanannya.⁶⁹

Para pendokong teknosentrik boleh dianggap sebagai golongan optimis yang berkeyakinan masalah alam sekitar ini dapat diatasi melalui pengurusan dan pengawalan alam sekitar yang teratur. Penghasilan dan penggunaan teknologi yang cekap lagi sesuai dikatakan akan dapat mengharmonikan alam sekitar dan pembangunan. Berbeza dengan pandangan ekosentrik, pandangan teknosentrik tidak begitu menekankan keperluan menilai diri, bersikap moral dan merasai rasa bertanggungjawab di dalam sebarang aktiviti berkaitan dengan alam sekitar. Pandangan teknosentrik juga tidak begitu membangkitkan penglibatan umum, khususnya dalam menilai kesesuaian idealisme ini serta membahaskan hubungkaitnya dengan konsep nilai. Berdasarkan kenyataan tersebut, pandangan teknosentrik

bukanlah merupakan satu aliran yang menuntut perubahan radikal di dalam masyarakat berbanding dengan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang lain.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa perbahasan yang timbul berhubung dengan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar ini seolah-olah tidak berkesudahan. Walau bagaimanapun perbahasan yang semakin mendalam sudah tentu boleh memantapkan lagi penghayatan generasi hari ini terhadap Etika Alam Sekitar. Terdapat juga beberapa pengkaji yang tidak begitu berminat untuk terlibat dengan perbahasan seperti ini, tetapi langsung mengemukakan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang seharusnya dihayati. Di antaranya ialah G. Tyler Miller di dalam bukunya yang bertajuk '*Living in the Environment*' telah mencadangkan beberapa prinsip Etika Alam Sekitar (sila rujuk lampiran B).⁷⁰

Selain daripada itu, persoalan turut timbul iaitu sejauh manakah prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang diperbahaskan mampu direalisasikan di dalam kehidupan generasi manusia masa kini. Prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang diperbahaskan seharusnya tidak hanya bersifat teori, sebaliknya mestilah berupaya untuk dipraktikkan. Robert Arvill di dalam bukunya '*Man and the Environment and the Strategy of Choice*' telah mengemukakan empat pendekatan untuk merealisasikan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar iaitu:⁷¹

a. Kesatuan

Kesatuan bermaksud menyatukan kepercayaan dan kefahaman yang berkaitan dengan alam sekitar di dalam cara hidup seseorang seterusnya sesebuah masyarakat. Penyatuan ini memungkinkan wujudnya keharmonian di antara aktiviti kemanusiaan dengan alam sekitar.

b. Kemanusiaan

Kemanusiaan pula mengajak manusia supaya berkongsi hidup dengan semua kehidupan termasuklah pada hari ini dan masa hadapan khususnya di dalam penggunaan sumber-sumber keperluan hidup secara adil.

c. Keazaman

Keazaman adalah merujuk kepada usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencegah pencemaran serta menjamin kualiti alam sekitar agar sentiasa terpelihara.

d. Pertimbangan

Pertimbangan pula adalah merujuk kepada pilihan yang paling tepat dengan kepentingan alam sekitar di dalam memilih dua matlamat yang mempunyai nilai yang bertentangan.

Penerapan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar di dalam kehidupan bukanlah merupakan satu perkara yang mudah. Menurut J. Ronald Engel prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan mestilah berperanan menjelaskan tentang konsep interaksi manusia dan alam sekitar, memberi dorongan kepada manusia untuk memulihara alam sekitar, menyediakan garis panduan alternatif untuk aktiviti kehidupan manusia serta menyelesaikan sebarang konflik yang timbul berkaitan dengan sistem nilai Etika Alam Sekitar.⁷² Oleh yang demikian prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar sama ada bersifat anthroposentrik, biosentrik, ekosentrik atau teknosentrik mestilah mampu berperanan seperti itu jika ingin direalisasikan di dalam sesebuah masyarakat.

Satu lagi perkara yang sering ketepikan oleh para pengkaji Etika Alam Sekitar ialah kepercayaan atau keyakinan seseorang individu terhadap sesuatu sistem nilai yang dipraktikkannya. Prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar tidak mungkin dapat direalisasikan sekiranya diterapkan kepada seseorang atau sesebuah masyarakat yang tidak mempercayai kebenaran dan kebaikannya. Sesungguhnya aspek kepercayaan dan keyakinan ini merupakan langkah pertama yang perlu dilakukan untuk menerapkan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar di dalam kehidupan. Ini menunjukkan betapa peranan agama tidak boleh dipencarkan ke arah merealisasikan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar pada masa kini.

1.5 KESIMPULAN

Di dalam bab ini kita telah melihat dari sudut sejarah bagaimana berlakunya kemunculan Etika Alam Sekitar di dalam konteks krisis alam sekitar dunia moden. Perkembangan Etika Alam Sekitar pada zaman moden ini adalah teratur, iaitu dalam bentuk disiplin pengajian yang kemudiannya diinstitusikan di pusat-pusat pengajian tinggi. Sesuai dengan hakikat tersebut, Etika Alam Sekitar boleh didefinisikan sebagai satu disiplin pengajian yang membahaskan tentang sistem nilai yang boleh menjelaskan tentang perlakuan-perlakuan baik dan buruk terhadap alam sekitar. Meskipun demikian, pengamalan sikap moral yang tertentu terhadap alam sekitar telahpun dipraktikkan oleh generasi manusia sejak awal kewujudan manusia lagi.

Pengamalan sikap moral tersebut telah diwarisi secara turun-temurun daripada satu generasi ke satu generasi. Walaupun telah berlaku kepudaran warisan tersebut, pada hari ini terdapat beberapa kumpulan masyarakat yang masih berpegang kuat dengan pengamalan sikap moral itu, biarpun di dalam dunia yang sedang pesat membangun. Oleh kerana itu, pengamalan sikap moral yang bersifat tradisi ini

menjadi sumber yang begitu berharga sebagai dasar ke arah pembentukan Etika Alam Sekitar pada masa kini. Sesungguhnya pembentukan Etika Alam Sekitar tidak akan sempurna tanpa kesatuan di antara sistem nilai tradisional khususnya nilai keagamaan dengan pengetahuan sains moden. Kesatuan di antara dua aspek ini amat perlu ke arah memastikan pelaksanaan Etika Alam Sekitar yang lebih realistik.

Etika Alam Sekitar yang ingin direalisasikan di dalam kehidupan generasi manusia hari ini mestilah mampu untuk menjelaskan hakikat sebenar hubungan manusia dengan alam sekitar serta mendorong untuk mengekalkan hubungan tersebut. Selain daripada itu Etika Alam Sekitar juga mestilah menyediakan satu panduan yang lengkap bagaimana untuk bertindak ke atas alam sekitar di samping dapat menyelesaikan konflik nilai yang timbul di dalam sesebuah masyarakat. Peranan keagamaan di dalam penerapan Etika Alam Sekitar pula amat besar kerana ia boleh memupuk kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu sistem nilai yang akan diperlakukan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa pendekatan bersepadu adalah perlu ke arah pembentukan, penerapan dan penghayatan Etika Alam Sekitar di dalam kehidupan manusia pada masa kini.

¹ Peter Lane, *The Industrial Revolution: The Birth of Modern Age* (London: Weidenfeld and Nicolson, 1978), m.s 5 - 6

² Zaini Ujang, *Environmentalisme Dalam Tata Baru Dunia* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), 1992), m.s. 17 - 18

³ *Ibid*, m.s. 20

⁴ Lynn White Jr. adalah Profesor Sejarah di University of California, Los Angeles. Beliau juga pernah mengajar sejarah di Princeton University dan Stamford University.

⁵ Artikel ini pada asalnya dimuatkan di dalam *Science*, Vol 155, m.s. 1203 - 1207 (10 Mac 1967) oleh American Associations for the Advancement of Science.

⁶ Lynn Jr. White, "The Historical Roots of our Ecological Crisis", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Readings in Theory and Application* (Boston : Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 9 - 14

⁷ Zaini Ujang, *Op.cit.*, m.s. 22

⁸ Patrick Dobel, "The Judeo-Christian Stewardship Attitude Toward Nature", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Reading in Theory and Application*, (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 20 - 23

⁹ Mohd Razman Salim dan Lokman Md Hani, "Ethics and Environment", *National Seminar on Ethics and Environment*, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 5 - 6 Ogos, 1992, m.s. 5

¹⁰ A. P. Cowie (et.al), *Oxford Learner's Pocket Dictionary* (Oxford: Oxford University Press, 1990), m.s. 127

¹¹ William L. Reese, *Dictionary of Philosophy and Religion Eastern and Western Thought* (New Jersey: Humanities Press and Havester Press, 1980), m.s. 156

¹² J. M. Baldwin (ed.), *Encyclopaedia of Philosophy and Psychology* (New Delhi: Cosmo Publications, 1986), Vol II m.s. 346

¹³ H. H. Titus, *Ethics for Today* (New York : American Book Company, 1957), Edisi ketiga, m.s. 8

¹⁴ Sheikh Othman Sheikh Salim (et.al), *Kamus Dewan Edisi Baru* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1989), m.s. 319

¹⁵ A. R. Lacey, *A Dictionary of Philosophy* (London: Routledge and Kegan Paul, 1976), m.s. 138

¹⁶ Baldwin, *Op.cit.*, m.s. 346

¹⁷ Titus, *Op.cit.*, m.s. 8

¹⁸ N. Capaldi, E. Kelly, dan L. E. Navia, *An Invitation to Philosophy* (New York: Prometheus Book, 1981), m.s. 117

¹⁹ Reese, *Op.cit.*, m.s. 156

²⁰ Dagobert D. Runes, *Dictionary of Philosophy* (New Jersey: Littlefield, Adam and Co., 1981), m.s. 181

²¹ James O. Urmson dan Jonathan Ree, *The Concise Encyclopaedia of Western Philosophy and Philosophers*, edisi ketiga (London: Routledge, 1991), m.s. 100

²² *Ibid*, m.s. 100

²³ H. Margenau, *Ethics and Science* (New Jersey: D. Van Nostrand Company, 1964), m.s. 143

²⁴ Urmson dan Ree, *Op.cit.*, m.s. 101

²⁵ John Hospers, *Human Conduct: An Introduction to Problems of Ethics* (New York: Harcourt, Brace and World, 1961), m.s. 6

²⁶ F.A Olafson, *Ethics and Twentieth Century Thought* (New Jersey: Prentice Hall, 1973), m.s. 1

²⁷ Reese, *Op.cit.*, m.s. 434

²⁸ T. I. White, *Right and Wrong: A Brief Guide to Understanding Ethics* (New Jersey: Prentice Hall, 1988), m.s. 9

²⁹ Baldwin, *Op.cit.*, m.s. 346

³⁰ J. Hasting (ed.), *Encyclopaedia of Religion and Ethics*, Vol. V (New York: Charles Scribner's Sons, 1912), m.s. 414

³¹ *Ibid*, m.s. 414

³² William Lillie, *An Introduction to Ethics* (London: Methuen, 1995), m.s. 2

³³ Menurut Seyyed Hossein Nasr, *Science* adalah berasal daripada perkataan Bahasa Latin iaitu *scientia* yang bermaksud ilmu manusia, lawan pengertian *scientia* ialah *sapientia* yang bermaksud hikmah ketuhanan (lihat Seyyed Hossein Nasr, *Science and Civilization in Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1984), m.s. 27). *Science* juga boleh didefinisikan sebagai *wissenschaft* yang bermaksud ilmu yang bersistematis dan berstruktur.

³⁴ Lillie, *Op.cit.*, m.s. 3

³⁵ *Ibid*, m.s. 4

³⁶ Runes, *Op.cit.*, m.s. 99

³⁷ *Ibid* m.s. 99

³⁸ W. David Ross, *Foundation of Ethics* (Oxford: The Clarendon Press, 1969), m.s. 6 - 7

³⁹ Jaques Maritain, *An Introduction to Philosophy* (London and New York: Sheed & Ward, 1959), m.s. 5 - 6

⁴⁰ Urmson dan Ree, *Op.cit.*, m.s. 103

⁴¹ Mohd Nasir Omar, *Falahah Etika Perbandingan Pendekatan Islam Dan Barat* (Kuala Lumpur: BHEIS, Jabatan Perdana Menteri, 1986), m.s. 36

⁴² Urmson dan Ree, *Op.cit.*, m.s. 104

⁴³ *Ibid*, M.s. 106

⁴⁴ Mohd Nasir Omar, *Op.cit.*, m.s. 22 - 25

⁴⁵ Cowie, *Op.cit.*, m.s. 125

⁴⁶ M. Allaby, *Dictionary of Environment* (London: The Macmillan Press, 1979), m.s. 183

⁴⁷ R. J. Lincoln, G. A. Boxshell dan P. F. Clerk, *A Dictionary of Ecology, Evolution and Systematics* (London: Cambridge University Press, 1982), m.s. 80

⁴⁸ Baldwin, *Op.cit.*, m.s. 355

⁴⁹ L. L. Somani, *Dictionary of Ecology and Environment*, Bahagian Ketiga (New Delhi: Mittal Publications, 1992), Bahagian Ketiga, m.s. 547 - 548

⁵⁰ Alan Gilphin, *Dictionary of Environmental Terms* (Queensland: University of Queensland Press, 1976), m.s. 51 - 52

⁵¹ Benjamin B. Wolman, *Dictionary of Behavioral Science* (New York: Van Nostrand Reinhold Company, 1973), m.s. 122

⁵² Martha Johnson (ed.), *Lore Capturing Traditional Environmental Knowledge* (Ottawa: Dene Cultural Institute and International Development Research Centre, 1992), m.s. 4 - 8

⁵³ John McCloskey, "Ecological Ethics and Its Justification: A Critical Appraisal", dalam D. Mannison, M. McRobbie, dan R. Routley, *Environmental Philosophy* (Department of Philosophy, Australian National University, 1980), m.s. 65 - 66

⁵⁴ Richard Sylvan, "Is There a Need for a New, an Environmental Ethic", dalam M. E. Zimmerman (ed.), *Environmental Philosophy From Animal Right to Radical Ecology* (New Jersey: Prentice Hall, 1993), m.s. 12 - 15

⁵⁵ *Ibid*, m.s. 12

⁵⁶ Donald Scherer, "Molding of Norms and Environments", dalam Donald Scherer (ed.), *Upstream Downstream, Issues in Environmental Ethics* (Philadelphia: Temple University Press, 1990), m.s. 20 - 22

⁵⁷ *Ibid*, m.s. 20 - 22

⁵⁸ William K. Frankena, "Ethics and Environment", dalam K. E. Goodpaster dan K. M Sayre (ed.), *Ethics and Problems of The 21 Century* (London: University of Notre Dame Press, 1979), m.s. 4

⁵⁹ *Ibid*, m.s. 4

⁶⁰ Azizan Baharuddin, "Science, Values and The Environment: on the Need for a Coherent and Holistic Worldview", dalam Azizan Baaharuddin (ed.), *Environment and Development: Ethical and Educational Consideration* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), 1995), m.s. 201

⁶¹ Johnson (ed.), *Op.cit.*, m.s. 1 - 4

⁶² *Webster's New World Dictionary*, Edisi Kedua (Ohio: William Collins and World Publishing, 1976), m.s. 59

⁶³ William Grey, "Anthropocentric and Deep Ecology", *Australian Journal of Philosophy*, Vol 71, No 4 (1993), m.s. 475

⁶⁴ Paul Taylor, "Biocentric Egalitarianism", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Reading in Theory and Application* (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 78 - 82

⁶⁵ David Pepper, *Modern Environmentalism An Introduction* (London: Routledge, 1996), m.s. 39

⁶⁶ Louis P. Pojman, "Nature Has Intrinsic Value: Biocentric and Ecocentric Ethics and Deep Ecology", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Readings in Theory and Application* (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 64

⁶⁷ T. O'Riordan, *Environmentalism* (London: Pion Limited, 1976), m.s. 3

⁶⁸ Pepper, *Op.cit.*, m.s. 38

⁶⁹ O'Riordan, *Op.cit.*, m.s. 11

⁷⁰ G. Tyler Miller Jr., *Living in the Environment*, edisi ketujuh (Belmont: Wardsworth Publishing, 1988) m.s. 24 - 28

⁷¹ Robert Arvill, *Man and the Environment and the Strategy of Choice* (Harmondsworth: Penguin, 1967), m.s. 376

⁷² J. Ronald Engel, "Introduction the Ethics of Sustainable Development", dalam J. Ronald Engel dan J. G. Engel (ed.), *Ethics of Environment and Development* (Tucson: The University of Arizona Press, 1990), m.s. 6-7